



PERTANDINGAN

FOTOGRAFI DAN VIDEO PENDEK

SEMPENA SAMBUTAN 25 TAHUN MPS

HADIAH

FOTOGRAFI:

Johan : RM 3,000.00

Naib Johan : RM 2,000.00
Ketiga : RM 1,000.00
Saguhati : RM 200.00 x 5 pemenang

VIDEO PENDEK:

Johan : RM 5,000.00

Naib Johan : RM 3,000.00
Ketiga : RM 1,000.00
Saguhati : RM 200.00 x 5 pemenang

TEMA

Fotografi

Merakamkan foto secara kreatif dengan memaparkan keindahan bandar, bangunan/mercu tanda, keindahan alam semula jadi, flora dan fauna, kawasan tasik, sungai, suasana masyarakat serta landskap yang terdapat di seluruh kawasan pentadbiran MPS.

Video Pendek

Penghasilan video yang menarik minat penonton dan memaparkan mengenai keunikan dan keindahan Perbandaran Selayang.

BORANG DAN SYARAT



25
SAMBUTAN | 1997-2022
JUBLI PERAK | 25 TAHUN

*Penuh
Kemakmuran*



TEMPOH PENYERTAAN
15 MAC - 15 JUN 2022

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN FOTOGRAFI SAMBUTAN 25 TAHUN JUBLI PERAK MPS

1. Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur **18 tahun ke atas**.
2. Penyertaan adalah **PERCUMA**.
3. Foto yang diambil hendaklah di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang (MPS).
4. Foto mestilah di dalam format digital, bersaiz 8R dan beresolusi tinggi tidak kurang dari 300dpi.
5. Pihak pengajur mempunyai hak eksklusif untuk mencetak semula semula, menerbitkan dan mempamerkan foto tersebut beserta maklumat yang disertakan.
6. Foto perlu diberikan dalam bentuk cetakan (hard copy) dan juga disertakan pendrive dalam format JPEG/TIFF/BITMAP (soft copy). Kesemua penyertaan perlu disertakan dengan Borang Penyertaan Pertandingan yang dilekatkan atau ditampal di bahagian belakang foto.
7. Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, tersilap hantar atau penyertaan yang hilang. Bukti penyertaan tidak diterima sebagai bukti penerimaan.
8. Hadiah yang tidak dituntut selepas satu bulan dari keputusan diumumkan akan ditarik balik.
9. Teknik mengambil foto adalah bebas dan teknik *super-imposed* **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali. Peserta hanya dibenarkan merapikan imej seperti memotong, imbangan cahaya serta warna serta menghalusi dan menajamkan imej sahaja yang dibenarkan.
10. Semua gambar penyertaan mestilah asli, merupakan idea sendiri dan tidak mengandungi elemen pengubahauan. Pengubahauan foto atau sebarang penggunaan plagiat, tiruan, unsur-unsur penipuan atau diciplak adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
11. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya ke atas foto-foto yang didapati melanggar hak cipta, tanda dagangan, hak moral, hak-hak harta/ privasi /publisiti /intelek mana-mana individu atau entiti dan pihak lain yang mempunyai apa-apa hak, hakmilik, tuntutan atau kepentingan dalam gambar tersebut.
12. Peserta harus memohon kebenaran daripada pihak tertentu dan semua orang yang muncul dalam karya yang dikemukakan dan individu tersebut tidak boleh membuat tuntutan daripada pengajur sekiranya foto-foto tersebut digunakan dalam mana-mana media pada masa kini dan akan datang tanpa sekat, termasuk tujuan komersial serta tidak terhad kepada editorial pengajur, siaran akhbar, pemasaran, pengiklanan, komersial, percetakan dan promosi.
13. Setiap penyertaan bermakna peserta telah membaca dan bersetuju dengan terma dan syarat pertandingan yang ditetapkan.
14. Semua pemenang akan dihubungi oleh pihak pengajur dan nama pemenang akan dimaklumkan kelak.
15. Foto pertandingan akan dinilai berdasarkan komposisi, keaslian, kreativiti dan aplikasi teknik fotografi terbaik.
16. Setiap foto yang dihantar untuk pertandingan ini tidak akan dikembalikan.
17. Sebarang kecelakan/kemalangan/kecederaan/kerugian semasa mengambil foto adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri.
18. Keputusan panel hakim profesional bebas yang dilantik oleh pihak pengajur adalah muktamad. Penilaian dan penghakiman adalah berdasarkan pematuhan syarat-syarat pertandingan seperti yang ditetapkan. Sebarang bantahan, tuntutan atau surat menyurat tidak akan dilayan.
19. Penyertaan adalah terbatal serta-merta jika foto yang dihantar pernah memenangi mana-mana pertandingan fotografi.
20. **Borang penyertaan yang lengkap beserta hasil karya hendaklah dihantar kepada urusetia pertandingan sebelum atau pada 15 Jun 2022 jam 5 petang.**
21. Borang penyertaan boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi Majlis Perbandaran Selayang <http://www.mps.gov.my>.
22. Borang Penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut :

(U/P : URUSETIA PERTANDINGAN FOTOGRAFI SAMBUTAN 25 TAHUN MPS)

JABATAN KORPORAT

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

MENARA MPS

PERSIARAN 3, BANDAR BARU SELAYANG

68100, BATU CAVES

SELANGOR DARUL EHSAN

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN VIDEO PENDEK SAMBUTAN 25 TAHUN JUBLI PERAK MPS

1. Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur **18 tahun ke atas**.
2. Penyertaan adalah **PERCUMA**.
3. Video yang diambil hendaklah di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang(MPS).
4. Durasi video hendaklah di antara 1 hingga 2 minit.
5. Penyertaan hendaklah memaparkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia, tidak menyinggung mana-mana pihak baik dari segi politik, budaya dan agama.
6. Peserta mestilah menggunakan peralatan rakaman sendiri sama ada menggunakan telefon pintar/perakam video (Contoh: Kamera DSLR) untuk menghasilkan video di mana elemen lakonan atau unsur-unsur lain berdasarkan kreativiti masing-masing adalah dibenarkan.
7. **Tetapan untuk video adalah 1080P atau 720P.** Tetapan ini adalah tetapan standard yang boleh didapati dari kebanyakan telefon pintar tahun 2017 dan ke atas sebaik sahaja mod rakaman video diaktifkan.
8. Produksi mestilah **KARYA ASLI** peserta dan tidak pernah menyertai dalam mana-mana festival filem/video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
9. Setiap penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk *thumbdrive* dan *soft copy* format sama ada AVI, MPEG2, MP4 atau WMV.
10. Setiap borang penyertaan mestilah dikepulkan bersama sinopsis video pendek tersebut.
11. Peserta pertandingan juga mestilah membenarkan suntingan dibuat terhadap tajuk dan video penyertaan bagi tujuan penyiaran.
12. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, tersilap hantar atau penyertaan yang hilang. Bukti penyertaan tidak diterima sebagai bukti penerimaan.
13. Semua video pendek mestilah ASLI dan merupakan idea peserta itu sendiri dan tidak mempunyai unsur pengubahsuaian. Pengubahsuaian video pendek atau sebarang penggunaan plagiat, tiruan, unsur-unsur penipuan atau diciplak adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
14. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya di mana video-video adalah melanggar hak cipta, tanda dagangan, hak moral, hak-hak harta / privasi / publisiti / intelek mana-mana individu atau entiti dan pihak lain yang mempunyai apa-apa hak, hak milik, tuntutan atau kepentingan dalam video tersebut.
15. Peserta harus memohon kebenaran daripada pihak tertentu dan semua orang yang muncul dalam karya yang dikemukakan dan individu tersebut tidak boleh membuat tuntutan daripada penganjur sekiranya video-video tersebut digunakan dalam mana-mana media pada masa kini dan akan datang tanpa sekatan, termasuk tujuan komersial serta tidak terhad kepada editorial penganjur, siaran akhbar, pemasaran, pengiklanan, komersial, percetakan dan promosi.
16. Setiap penyertaan bermakna peserta telah membaca dan bersetuju dengan terma dan syarat pertandingan yang ditetapkan.
17. Semua pemenang akan dihubungi oleh pihak penganjur dan nama para pemenang akan dimaklumkan kelak.
18. Video pendek yang di pertandingan akan dinilai berdasarkan komposisi, keaslian, kreativiti dan aplikasi teknik video fotografi terbaik.
19. Setiap video yang dihantar untuk pertandingan ini tidak akan dikembalikan.
20. Sebarang kecelakan / kemalangan / kecederaan / kerugian semasa merakam video adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri.
21. Hadiah yang tidak dituntut selepas satu bulan dari keputusan diumumkan akan ditarik balik.
22. Keputusan panel hakim profesional bebas yang dilantik oleh pihak penganjur adalah muktamad. Penilaian dan penghakiman adalah berdasarkan pematuhan syarat-syarat pertandingan seperti yang ditetapkan. Sebarang bantahan, tuntutan atau surat menyurat tidak akan dilayan.
23. Penyertaan adalah terbatas serta-merta jika video yang dihantar pernah memenangi mana-mana pertandingan video pendek.
24. Borang Penyertaan yang lengkap beserta video hendaklah dihantar kepada Urusetia Pertandingan **sebelum atau pada 15 Jun 2022 jam 5 petang**.
25. Borang penyertaan boleh dimuat turun di Portal Rasmi Majlis Perbandaran Selayang <http://www.mps.gov.my>.
26. Borang Penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut :

(U/P : URUSETIA PERTANDINGAN FOTOGRAFI SAMBUTAN 25 TAHUN MPS)

JABATAN KORPORAT

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

MENARA MPS

PERSIARAN 3, BANDAR BARU SELAYANG

68100, BATU CAVES

SELANGOR DARUL EHSAN

BORANG PENYERTAAN

PERTANDINGAN FOTOGRAFI DAN VIDEO PENDEK



JABATAN KORPORAT

KATEGORI :

FOTOGRAFI

VIDEO PENDEK

MAKLUMAT PESERTA

Nama : [REDACTED]

No. Kad Pengenalan : [REDACTED] Umur : [REDACTED]

Jantina : [REDACTED] Bangsa : [REDACTED]

Pekerjaan : [REDACTED]

Alamat : [REDACTED]

No. Tel : [REDACTED] E-Mel : [REDACTED]

Tajuk Foto/Video Pendek : [REDACTED]

Tarikh : [REDACTED] Masa : [REDACTED]

Jenis Kamera/Perakam Video : [REDACTED]

Penerangan Foto/Video : [REDACTED]

Saya mengaku maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan pihak pengajur berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar dan mencurigakan.

Tandatangan

Tarikh

KETERANGAN LANJUT

URUSETIA PERTANDINGAN FOTOGRAFI SAMBUTAN 25 TAHUN MPS
JABATAN KORPORAT
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
MENARA MPS
PERSIARAN 3, BANDAR BARU SELAYANG
68100, BATU CAVES
SELANGOR DARUL EHSAN